



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03-3180 3694 No. Fax : 03-3180 2854



KERATAN AKHBAR 27 SEPTEMBER 2018

MDKL

BIL	TAJUK	AKHBAR	M/S
1	Isi masa luang diri, keluarga	Sinar Harian	36
2	Cari kedamaian, ketenangan	Sinar Harian	38



KERATAN AKHBAR
27 SEPTEMBER 2018

Tajuk	:	Isi masa luang diri, keluarga
Akhbar	:	Sinar Harian
Muka Surat	:	36

DESTINASI

Isi masa luang diri, keluarga

Sinar Harian 27/9/2018
Muka: 36

Buntu kadangkala hendak ke mana pada hari cuti hujung minggu. Sebenarnya banyak tempat boleh dikunjungi di Selangor dan Pahang untuk isi masa terluang. Apa kata kita jalan-jalan di tempat menarik dalam negara sendiri ye tak...

**KUAN WELLNESS ECOPARK,
TANJUNG SEPAT, KUALA LANGAT**

TIADA idea ke mana nak bawa keluarga anda bercuti? Ingin kelainan, Kuan Wellness Ecopark, Tanjung Sepat, Kuala Langat yang berkonsepkan taman ekologi amat sesuai buat keluarga yang mahu bersantai tanpa perlu keluar dari Selangor.

Kuan Wellness Ecopark merupakan lokasi penanaman, pengeluaran serta berperanan sebagai pusat penyelidikan sarang burung walit di negara ini.

Selain itu, ia turut menyediakan galeri serta kafe yang memberi peluang kepada pengunjung merasa benih sarang burung dan makanan kesihatan.

Lebih menarik, terdapat mini zoo buat anak-anak, beberapa lokasi menarik untuk berswafoto serta pameran kereta antik.

Bagaimanapun ia hanya dibuka pada hujung minggu, cuti sekolah dan cuti umum bermula jam 9 pagi sehingga 7 petang.

Lokasi ini bukan sahaja untuk bersantai, malah turut memberi peluang kepada anak-anak belajar perkara baharu.



KERATAN AKHBAR
27 SEPTEMBER 2018

Tajuk	:	Isi masa luang diri, keluarga
Akhbar	:	Sinar Harian
Muka Surat	:	38

DESTINASI

Cari kedamaian, ketenangan

Sinar Harian 27/9/2018
mpe. 38



TOKONG DONG ZEN

BOSAN dengan kesibukan kota, perlukan pemandangan seperti bukan dalam Malaysia?
Anda boleh mengunjungi Tokong Dong Zen terletak di Jalan Sungai Buaya Kuala Langat yang menjanjikan suasana taman dipenuhi bunga-bunga berwarna-warni di samping air terjun buatan dipenuhi ikan-ikan.

Destinasi ini menjadi tumpuan dalam kalangan pelancong luar dan juga orang tempatan yang mengabadikan foto perkahwinan di taman ini.

Mereka yang gemar bergambar boleh datang ke sini. Ia dibuka kepada orang awam setiap hari tanpa dikenakan sebarang bayaran.

